

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI
PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA
PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN**

1. KEKELUARGAAN
2. KEIBUBAPAAN
3. KEBAPAAN
4. PERSEDIAAN PERKAHWINAN
5. PEMANTAPAN PERKAHWINAN
6. PEMBANGUNAN REMAJA
7. KESIHATAN REPRODUKTIF

- Aktiviti berbentuk ceramah, kursus, seminar, bengkel, persidangan, kempen kesedaran / advokasi, khidmat kaunseling, khidmat kesihatan atau latihan untuk jurulatih (TOT).
- Boleh berasaskan Modul yang berkaitan iaitu:-
 - i. Modul Pancaran KASIH (Modul Kebapaan)
 - ii. Modul Belaian KASIH (Modul untuk Ibubapa Anak Kecil)
 - iii. Modul Mutiara KASIH (Modul untuk ibubapa anak remaja)
 - iv. Modul Permata KASIH
 - v. Modul Bahtera KASIH
 - vi. Modul SMART START

*** Atau cadangan daripada NGO sendiri**

1. KEKELUARGAAN

- Kempen Kesedaran dan Advokasi
- Khidmat Kaunseling Kekeluargaan
- Program berbentuk penyebaran maklumat

2. KEIBUBAPAAN

- Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih (TOT).
- Program ini diperkenalkan untuk melengkapkan dan meningkatkan pengetahuan ibubapa tentang aspek keibubapaan bagi membentuk dan mendidik anak-anak.
- Boleh berasaskan Modul yang berkaitan iaitu Modul Pancaran KASIH (Modul Kebapaan), Modul Belaian KASIH (Modul untuk Iubapa Anak Kecil) dan Modul Mutiara KASIH (Modul untuk ibubapa anak remaja).

3. KEBAPAAN

- Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih (TOT).
- Program ini diperkenalkan untuk membentuk penghayatan kaum bapa bagi meningkatkan kemahiran kebapaan di dalam pembentukan sahsiah anak-anak.
- Boleh berasaskan Modul yang berkaitan iaitu Modul Pancaran KASIH (Modul Kebapaan)

4. PROGRAM PERSEDIAAN PERKAHWINAN

- Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih (TOT)
- Kumpulan sasar adalah pasangan yang akan mendirikan rumahtangga yang baru mendirikan rumahtangga
- Bertindak sebagai persediaan menghadapi perkahwinan di samping melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan panduan dalam kehidupan berkeluarga.
- Boleh berasaskan Modul Bahtera KASIH, Pakej Smart Start atau cadangan dari NGO sendiri.

5. PROGRAM PEMANTAPAN PERKAHWINAN

- Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih (TOT)
- Kumpulan sasar adalah pasangan (ibu bapa) yang telah lama mendirikan rumahtangga
- Boleh berasaskan Modul Bahtera Kasih, atau cadangan dari NGO sendiri.

6. PEMBANGUNAN REMAJA

- Aktiviti berbentuk kursus, seminar, bengkel persidangan atau latihan untuk jurulatih (TOT).
- Program ini diperkenalkan bagi melengkapkan jati diri remaja dan menanamkan sikap tanggungjawab terhadap diri, ibubapa, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

- Dapat mengubah paradigma remaja agar lebih proaktif, inovatif dan pragmatik dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berketerampilan.
- Boleh berasaskan Modul Permata Kasih (Pembangunan Remaja) atau cadangan dari NGO sendiri.

7. PROGRAM KESIHATAN REPRODUKTIF

- Program Pendidikan Kesihatan Reproductif
- Khidmat Kesihatan Reproductif
- Kempen Kesedaran / Advokasi
- Khidmat Kaunseling Kesihatan Reproductif

8. Bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWKM mengikut isu- isu semasa

KUMPULAN SASAR PROGRAM KELUARGA

- Remaja yang berusia antara 12 -19 tahun dan para belia berumur 20 – 25 tahun.
- Pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin
- Ibu Bapa
- Ahli keluarga
- Individu yang berminat
- Pemimpin masyarakat

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI
PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA
PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN**

1. Latihan dan Peningkatan Kemahiran

- 1.1. Jahitan (pakaian, sulaman, langsir dan sebagainya)
- 1.2. Rawatan Kecantikan & salun
- 1.3. Katering
- 1.4. Bakeri
- 1.5. Lain-lain

2. Peningkatan Kapasiti Wanita

- 2.1. Keusahawanan
- 2.2. Kepimpinan
- 2.3. Ringgit Bestari
Kepentingan/keperluan perancangan harta : harta pusaka, sepercarian, simpanan, pendedahan kepada konsep kewangan & undang-undang berkaitan supaya kehidupan lebih terlindung dan terjamin

3. Literasi Undang-undang

- 3.1. Undang-undang Keluarga Syariah & Sivil
- 3.2. Harta Pusaka
- 3.3. Jenayah Seksual
- 3.4. Hak & tanggungjawab pekerja & majikan
- 3.5. Pendedahan kepada pihak berkuasa yang berkenaan

4. Pengurusan Emosi

- 4.1. Pengurusan tekanan
- 4.2. Pengurusan konflik
- 4.3. Pengurusan kemarahan

5. Nur Bahagia

Peningkatan kesedaran bagi menangani keganasan terhadap wanita seperti keganasan rumahtangga, kes ragut, rogol dan lain-lain serta pengenalan kepada akta-akta berkaitan dan agensi-agensi berkaitan yang boleh dirujuk.

6. Kepekaan Gender

Memberi kefahaman serta kesedaran mengenai konsep gender, konsep berkaitan gender dan isu-isu gender dalam usaha mencapai kesaksamaan gender. Penerangan mengenai kepentingan kesaksamaan gender dalam pembangunan negara dan dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita.

7. Bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWKM mengikut isu- isu semasa

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI
PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN**

i. Pembangunan Program Pemulihan

- a. Meningkatkan pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di negeri dan daerah
- Mewujudkan PDK baru mengikut keperluan di peringkat daerah
 - Meningkatkan latihan dan kualiti perkhidmatan di PDK dengan menganjurkan kursus mengikut zon dengan kerjasama Jawatankuasa Penyelarasan Pemulihan Dalam Komuniti Kebangsaan untuk pekerja PDK dan Kursus untuk ibubapa dan Ahli Jawatankuasa PDK.
 - Meningkatkan dan memperluaskan pelaksanaan Rumah Kelompok.
 - Pendaftaran orang kurang upaya.

ii. Pembangunan Komuniti

- a) Meningkatkan kesederan dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelaan bagi:-
- Program Briged Kebajikan Perdana iaitu merupakan program latihan dalam pengurusan Kesukarelaan kepada Ahli Jawatankuasa Briged Kebajikan Perdana/ Ahli Briged Kebajikan Perdan/ Ketua Pasukan setiap negeri
- b) Pelaksanaan dan pemantauan Pusat Jagaan Harian Warga Tua secara berterusan.
- c) Meningkatkan pelaksanaan Unit Kebajikan Bergerak (Unit Madang) di setiap negeri.

- d) Melaksanakan projek-projek organisasi komuniti.
- e) Menyediakan perkhidmatan TASKA Komuniti di kawasan berpendapatan rendah berdasarkan keperluan komuniti agar kanak-kanak di bawah 4 tahun mendapat asuhan yang berkualiti.
- f) Meningkatkan dan memperluaskan pelaksanaan Pusat Aktiviti Kanak-kanak serta melibatkan masyarakat setempat di dalam program.
- g) Menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Kaunseling Komuniti sebagai panduan pelaksanaan program rintis.

iii. Bengkel Terlindung

- a) Mengkaji dan merancang perusahaan yang sesuai dengan tahap kebolehan pekerja di Bengkael Terlindung sebagai industri kecil / sederhana dengan perusahaan yang viable bagi
 - Memperluaskan pasaran produk sedia ada
 - Meningkatkan mutu pengeluaran / pembungkusan untuk produk lebih bermutu dan berdaya saing
 - Mempelbagaikan perusahaan seperti 'dobi', 'book binding', kerja-kerja subkontrak contohnya di Bengkel Daya Klang telah menjalankan perusahaan 'bakery'.
- B) Mengadakan jalinan antara Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Rumah Kelompok dan Orang Kurang Upaya bekerja di rumah dalam memperluaskan skop pekerja oran gkurang upaya di bengkel terlindung dan menggalakkan OKU bekerja
- C) Meningkatkan bidang yang dikenapasti dan meningkatkan kemahiran pekerja serta komuniti dan menceriakan persekitaran pekerja.

iv. Pembangunan Pertubuhan Sukarela Kebajikan

- a) Meningkatkan keupayaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada kumpulan sasar melalui program latihan dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia dalam bidang:-
 - kerja sosial
 - penjagaan kanak-kanak
 - penjagaan OKU
 - penjagaan warga tua
 - perkembangan kanak-kanak
 - proses menolog
 - perancangan strategik
 - kepimpinan
 - pengurusan
 - kewangan
- b) Pensijilan Kualiti Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi menentukan piawaian pengurusan institusi Rumah Kanak-kanak Pertubuhan Sukarela Kebajikan.
- c) Urusan pemberian geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan untuk mewujudkan jaringan rangkaian saringan di antara organisasi komuniti seperti Briged Kebajikan Perdana, Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran, Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah dan Lembaga Pelawat untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat menangani gejala sosial di peringkat akar umbi.
- d) Memberi khidmat nasihat dalam bidang permohonan kutipan derma dan sokongan Jabatan kepada pertubuhan sukarela kebajikan bagi permohonan Pas Lawatan Ikhtisas Pegawai Dagang.